



SIARAN MEDIA

ITIC, SEMICONDUCTOR RESEARCH CONSORTIUM DAN AKADEMI MIMOS PACU KEMAJUAN TEKNOLOGI MALAYSIA

KULIM, 22 Jun 2024 – YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini merasmikan Pusat Teknologi Inovasi Industri (ITIC), *Semiconductor Research Consortium* dan Akademi MIMOS di MIMOS Berhad, yang terletak di Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP), Kedah.

Pelancaran ITIC menandakan satu pencapaian besar dalam kemajuan industri teknologi. ITIC terdiri daripada empat (4) pusat yang masing-masing dikendalikan oleh agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu:

1. **MIMOS:** memberi tumpuan kepada sektor Elektrik dan Elektronik (E&E);
2. **MRANTI:** mengkhususkan sektor Teknologi Dron dan Robotik;
3. **MIGHT:** memfokuskan kepada Teknologi Bandar Pintar; dan
4. **MYSA:** yang menumpukan pada Teknologi Angkasa atau *Aerospace*.

YB Tuan Chang Lih Kang memberi keyakinan dengan inisiatif-inisiatif yang dimumkan pada hari ini. Menurut beliau, penubuhan ITIC, *Semiconductor Research Consortium* dan Akademi MIMOS merupakan langkah strategik dan transformatif untuk jangka masa panjang bagi pembangunan industri dan bakat. Pelancaran hari ini mencerminkan komitmen MOSTI dalam mewujudkan sebuah ekosistem teknologi semikonduktor bagi memacu kedudukan Malaysia dalam sektor E&E di peringkat global.

Secara khususnya, ITIC MIMOS akan memberi penekanan kepada Peralatan Ujian Automatik (ATE). Inisiatif ini menyokong Pelan Hala Tuju E&E 2021-2030, dengan matlamat mensasarkan penghasilan komponen bernilai tinggi dalam negara dan meningkatkan sumbangan nilai tambah.

ITIC akan meningkatkan kandungan tempatan dalam pembuatan ATE dengan mendapatkan komponen dan bahan tempatan, memupuk kerjasama dan mewujudkan kemudahan pembuatan tempatan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan kepakaran. Bakat tempatan akan membangunkan perisian dan perisian tegar khusus, memastikan produk memenuhi permintaan domestic, dengan sokongan insentif kerajaan dan kerjasama bersama academia.

Di samping itu, peluncuran *Semiconductor Research Consortium* yang diketuai oleh MIMOS akan memanfaatkan kemudahan MIMOS dan kerjasama strategik untuk memajukan teknologi semikonduktor dan menangani cabaran industri, meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) semikonduktor.

Akademi MIMOS pula bakal memainkan peranan penting dalam menawarkan latihan dan memupuk generasi perintis teknologi masa depan. Sejajar dengan *National Semiconductor Strategies* (NSS) Malaysia, Akademi MIMOS menyasarkan untuk menarik pelaburan dan membangunkan bakat mahir bagi memenuhi keperluan industri seterusnya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat R&D global.

Justeru, perasmian ITIC membuktikan komitmen MOSTI dalam menyokong pembangunan industri E&E melalui dasar, insentif dan pembangunan infrastruktur yang lengkap. Usaha ini akan mendorong Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan berteknologi maju, seterusnya menyokong pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif.

TAMAT

Disediakan oleh

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

22 JUN 2024

Mengenai MIMOS Berhad

MIMOS adalah agensi strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan pusat inovasi dalam teknologi Semikonduktor, Mikroelektronik dan ICT, yang menyumbang kepada pertumbuhan sosio-ekonomi Malaysia melalui platform, produk dan penyelesaian teknologi yang boleh dipatenkan. Sejak penubuhannya, MIMOS telah memfailkan lebih daripada 1,300 paten dalam pelbagai domain teknologi dan merentasi bidang sosio-ekonomi utama yang memacu perkembangan transformasi digital Malaysia ke arena antarabangsa, menjenamakan semula dirinya sebagai MIMOS Global pada 2022.

Sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan, aktiviti R&D MIMOS kini tertumpu pada Semikonduktor & Penyelidikan Filem Nipis (*Semiconductor & Thin Film Research*), Elektronik Lanjutan & Sistem Terbenam (*Advanced Electronics & Embedded Systems*), Teknologi Pembuatan (*Manufacturing Technology*) dan teknologi Negara Bestari (*Smart Nation*). MIMOS terus meningkatkan kerjasamanya dengan rakan kongsi strategik sedia ada, meneroka peluang baharu dengan bakal rakan kongsi, dan membangunkan syarikat teknologi baharu dan organisasi usaha niaga teknologi berorientasikan perniagaan. MIMOS juga mengekalkan R&D teknologi canggihnya, meneroka pembangunan keusahawanan teknologi global, dan memupuk sikap amanah, inovasi dan prestasi tinggi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mimos.my.

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi Komunikasi Korporat kami:

Muriani Mat Zin

Ketua Jabatan, Komunikasi Korporat

Emel: muriani@mimos.my

Patricia Liew

Pengurus, Komunikasi Korporat

Emel: patricia.liew@mimos.my

Laurence Sebastian

Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat

Emel: laurence@mimos.my

MENGENAI TECHNOLOGY INNOVATION PARK MALAYSIA (TiPM/MRANTI)

Technology Innovation Park Malaysia (TiPM) yang turut dikenali sebagai Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation - MRANTI, iaitu gabungan Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd dan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), merupakan agensi pusat pengkomersialan penyelidikan Malaysia yang memudahcarakan dan mempercepatkan pembangunan inovasi teknologi daripada idea ke impak.

TiPM/MRANTI berfungsi sebagai penyambung, inkubator dan pemangkin bagi membolehkan pengkomersialan dan perkembangan idea peringkat awal hingga ke tahap entiti matang. Ia juga menawarkan capaian kepada para pendukung inovasi dan pemain industri kepada infrastruktur bersepadu bertaraf dunia, program, perkhidmatan, kerjasama dan pelbagai sumber sokongan.

TiPM/MRANTI mensasarkan untuk meningkatkan saluran bekalan inovasi Malaysia, dan menghasilkan nilai R&D baharu dengan memastikan peralihan yang berkesan dalam kitaran hayat pengkomersialan. Ia juga akan menghubungkan ahli akademik dengan industri serta sektor awam untuk menyelaraskan usaha R&D yang dipacu pasaran untuk hasil berteraskan misi.

Dengan ibu pejabat di MRANTI Park, TiPM/MRANTI merangkumi sebuah hab inovasi 4IR seluas 686 ekar di Kuala Lumpur, menyokong pertumbuhan kluster pembuatan pintar, bioteknologi, agrotek, bandar pintar, teknologi hijau dan kluster teknologi pembolehan.

Nantikan kemaskini mengujakan menyusul!

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://mranti.my/>

Pertanyaan Media:
Bahagian Komunikasi Strategik MRANTI

Adit Rahim
adit@mranti.my
(+6013 - 666 6667)

Farhana Syed Nokman
farhanasyed@mranti.my
(+6019 - 222 0292)

Mengenai Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)

Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) merupakan agensi persekutuan penuh di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab menerajui agenda pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang melibatkan pembangunan dan pengoperasian sektor angkasa seperti yang digariskan dalam Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030).

MYSA komited membawa Malaysia ke arah Space-Faring Nation - memperkasa keupayaan angkasa negara (national space capability) daripada pengguna kepada pencipta teknologi angkasa yang seterusnya dapat menyumbang sekurang-kurangnya 1% atau RM10 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); mewujudkan sehingga 5,000 peluang pekerjaan baharu; dan Malaysia menduduki tangga ketiga teratas di Asia Tenggara dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi angkasa menjelang tahun 2030.

Maklumat perhubungan:

Puan Norafiza Saleha binti Sahlan
Pengarah
Bahagian Perancangan dan Komunikasi Strategik
fiza@mysa.gov.my | 016-2631020

Puan Nor Diana binti Mohamad Sadek
Pegawai Perhubungan Awam
diana.sadek@mysa.gov.my | 016-3241593

Malaysia Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)

Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) ialah sebuah Syarikat Berhad Dengan Jaminan dan bukan berasaskan keuntungan, di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

MIGHT memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan mapan perniagaan berasaskan teknologi tinggi di negara ini menerusi peranannya sebagai badan pemikir, mempromosi kerjasama sektor awam-swasta serta sebagai platform untuk membangunkan perniagaan kepada usahawan-usahawan di Malaysia. MIGHT adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan menerusi kekuatan kerjasama antara sektor awam dan swasta dengan keahlian daripada dalam dan luar negara dari pelbagai bidang, termasuk akademik, kerajaan dan industri.

Maklumat perhubungan:

Ani Suzila Anas
Tel: 0123128642

Email: info@might.org.my/ani@might.org.my